



AHMAD Zahid menandatangani buku kehadiran pelawat PDRM semasa tiba di IPK, semalam.



AHMAD Zahid beramah mesra dan berjabat tangan bersama pegawai kanan polis PDRM Melaka.

# Lawatan kerja sehari di Melaka Warga PDRM sambut Kehadiran Ahmad Zahid & Idris

BUKIT BERUANG 26 Mac - Warga Polis Diraja Malaysia (PDRM) Konjungen negeri menyambut kehadiran Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Ahmad Zahid Hamidi di Ibu Pejabat Konjungen (IPK) negeri, hari ini.

Selain Ahmad Zahid, kesemua anggota dan pegawai pelbagai pangkat dari ketiga-tiga daerah iaitu Melaka Tengah, Alor Gajah dan Jasin selain IPK sendiri turut menyambut kehadiran Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Ir. Idris Haron.

Kehadiran Ahmad Zahid ke IPK bertepatan lawatan kerja sehari Menteri Dalam Negeri itu bagi mengiktiraf Taklimat Khas Persediaan Menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) PDRM Konjungen negeri.

Selain pertemuan



AHMAD Zahid, Idris dan Abdul Jailli bersama warga KRT/SRS yang hadir pada majlis berkenaan.

bersama warga Kawasan Rukun Tetangga (KRT)/Skim Rondaan Sukrela (SRS) Melaka dan menyampaikan pakatan khas vest kepada warga KRT/SRS.

Sebaik tiba di IPK, Ahmad Zahid yang disertai Idris bersama Ketua Polis Melaka, Datuk Abdul Jailli Hassan diberi

penghormatan bagi menerima kawalan kehormat sebelum beramah mesra dengan anggota dan pegawai PDRM negeri ini.

Selepas itu, beliau bersama Idris dan Abdul Jailli dibawa ke tingkat tiga IPK bagi mengiktiraf taklimat persediaan PDRM konjungen negeri berde-

pan PRU-14.

Sebelum mengadakan sidang media, Ahmad Zahid kemudian diberikan penghormatan bertucap di hadapan warga KRT/SRS negeri ini.

Dalam ucapan ringkas beliau, Ahmad Zahid berkata, KRT/SRS berperanan penting dalam membantu pasukan PD-

RM mencegah pertukaran jenayah dalam sesebuah kawasan.

"KRT/SRS tinggi peranan dan membawa makna besar, KRT/SRS akan sentiasa bergandingan dengan komuniti polis dalam memastikan negara kekal sebagai sebuah negara yang dilikrat sebagai antara yang terbaik dalam pencegahan jenayah," kata Ahmad Zahid.

Ahmad Zahid berkata, kadar jenayah berulang di negara ini yang direkodkan Kementerian Dalam Negeri (KDN) adalah yang terendah di Asia berbanding negara jiran serantau lain.

"Kita ada PAROL & Komuniti dikekalkan Jabatan Penjara Malaysia. PAROL mendidik mereka-mereka (banduan) untuk pulang semula dalam komuniti (masyarakat) dengan betul, pada masa

sama mencegah mereka kembali terjebak dalam kanca jenayah.

"Untuk makluman, Malaysia merekodkan kadar jenayah berulang paling rendah di Asia dengan kadar peratusan 7.6 peratus berbanding negara Asia lain.

"Pengulangan perlakuan jenayah selepas banduan dibebaskan pula juga terendah iaitu hanya merekodkan 0.4 peratus saja," katanya.

Ahmad Zahid mengulangi ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua warga KRT/SRS kerana menjalankan tugas dengan cemerlang.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Wira Roslan Ibrahim dan Pengarah Jabatan Perpaduan Negara & Integrasi Nasional (JPNIN), Mansor Mohd Hashim.



AHMAD Zahid memakalkan jaket keselamatan kepada warga KRT/SRS Negeri Melaka.



AHMAD Zahid memeriksa barisan kawalan kehormat anggota PDRM Negeri Melaka.